## Terma dan Syarat – Anugerah MyPesara 2023

**Pengenalan**

Terma dan syarat berikut mengawal dan mentadbir penyertaan Anugerah MyPesara ini. Pihak penganjur mempunyai hak untuk mengubah, menangguh atau menukar tarikh Anugerah atau melanjutkan tempoh penyertaan / pencalonan.

Sila baca terma dan syarat ini dengan teliti sebelum menghantar borang pencalonan.

| No. | Perkara |
|---|---|
| 1. | **Maklumat Anugerah MyPesara**<br><br>1.1 Anugerah MyPesara ("Anugerah") adalah sebuah penganugerahan peringkat perdana yang disediakan khas bagi mengiktiraf dan menghargai pesara perkhidmatan awam yang telah memberi impak positif dalam bidang Pendidikan, Sosial dan Khidmat Masyarakat, dan Keusahawanan.<br>1.2 Tujuan Anugerah ini diadakan adalah untuk mengenal pasti individu cemerlang yang telah memainkan peranan yang bermakna dalam persaraan mereka dan untuk menjadi sumber inspirasi dan ilham kepada warga pesara akan kepentingan untuk kekal aktif dan positif walaupun sudah bersara. |
| 2. | **Kategori Anugerah MyPesara**<br><br>2.1 Terdapat 3 kategori yang akan dinilai, iaitu:<br>i) Pendidikan<br>ii) Sosial dan Khidmat Masyarakat<br>iii) Keusahawanan<br><br>2.2 Sumbangan dan impak positif yang diberikan oleh calon kepada masyarakat haruslah menepati kategori yang dinyatakan.<br>2.3 Penganjur berhak memilih dan menganugerahkan calon untuk kategori lain selain daripada kategori yang dihantar, jika ia dianggap lebih sesuai mengikut pertimbangan penganjur. |
| 3. | **Kriteria Pencalonan**<br><br>3.1 Pencalonan adalah terbuka kepada:<br>• Warganegara Malaysia berumur 55 tahun dan ke atas.<br>• Telah bersara daripada perkhidmatan awam persekutuan, negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan, tidak termasuk pesara Angkatan Tentera Malaysia (Veteran ATM). Pesara hendaklah yang sedang menerima pencen bulanan daripada Kerajaan.<br>• Seorang individu yang aktif menyumbang kepada masyarakat dan telah membuat perubahan yang mendalam sambil menunjukkan amalan yang berjaya dalam bidang masing-masing selepas bersara, untuk tempoh minimum selama 5 tahun.<br>• Calon masih belum menerima sebarang anugerah di peringkat kebangsaan atau antarabangsa atas sumbangannya. |

| | |
|---|---|
| | • Pencalonan sendiri dan pencalonan oleh pihak ketiga adalah diterima.<br>• Semua pencalonan perlu disokong oleh dokumen yang berkaitan sebagai bukti. |
| **4.** | **Penyertaan Pencalonan**<br><br>4.1 Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada pesara Kerajaan Malaysia yang dinyatakan sahaja.<br>4.2 Pencalon dan calon bertanggungjawab untuk memberi maklumat yang benar, tepat, semasa dan lengkap seperti yang diminta dalam borang pencalonan.<br>4.3 Dokumen sokongan dalam bentuk artikel yang diterbitkan, siaran akhbar, salinan sijil penglibatan/ keahlian/ pencapaian perlu dilampirkan untuk tujuan pengesahan dan semakan.<br>4.4 Bagi kategori Keusahawanan, syarikat calon hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan dokumen berkenaan kewangan perlu dikemukakan.<br>4.5 Bagi kategori Sosial dan Khidmat Masyarakat, organisasi calon hendaklah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) dan dokumen berkenaan perlu dikemukakan.<br>4.6 Pencalon boleh mencalonkan seberapa ramai pesara yang dikehendaki bersama bukti-bukti pencapaian yang mencukupi. Namun, setiap pesara hanya layak untuk dicalonkan untuk satu kategori sahaja.<br>4.7 Dengan penghantaran borang pencalonan, pencalon dan calon akan dianggap sebagai telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju dengan terma dan syarat Anugerah.<br>4.8 Penganjur berhak untuk menolak atau tidak menerima pencalonan untuk sebarang sebab, termasuk borang pencalonan yang tidak lengkap atau mana-mana terma dan syarat yang tidak dipenuhi atau dipatuhi oleh pencalon dan calon. |
| **5.** | **Penghantaran Borang Pencalonan**<br><br>5.1 Borang pencalonan serta dokumen sokongan yang lengkap hendaklah dihantar melalui:<br>i) e-mel ke anugerahmypesara@kwap.gov.my; atau<br>ii) pos ke Pejabat KWAP di Kuala Lumpur atau Cyberjaya; atau<br>iii) secara peribadi ke Pejabat KWAP di Kuala Lumpur atau Cyberjaya, atau semasa program Jelajah MyPesara KWAP berlangsung.<br><br>**Pejabat Kuala Lumpur**<br><br>Jawatankuasa Anugerah MyPesara 2023,<br>Kumpulan Wang Persaraan<br>(Diperbadankan),<br>Aras 36,<br>Menara Integra, The Intermark<br>348, Jalan Tun Razak<br>50400 Kuala Lumpur |

| | |
|---|---|
| | Atau;<br><br>**Pejabat Cyberjaya**<br><br>Jawatankuasa Anugerah MyPesara 2023,<br>Kumpulan Wang Persaraan<br>(Diperbadankan),<br>Aras 11, Skytech Tower 2<br>MKN Embassy Techzone<br>Jalan Teknokrat 2, Cyber 4<br>63000 Cyberjaya, Selangor<br><br>5.2 Jika borang pencalonan dihantar melalui e-mel, pastikan anda meletakkan tajuk '**Anugerah MyPesara**' pada bahagian Perkara.<br>5.3 Jika borang pencalonan dihantar secara pos, pastikan anda meletakkan tajuk '**Anugerah MyPesara**' pada bahagian atas kiri sampul surat.<br>5.4 Borang yang lengkap harus dihantar kepada KWAP pada atau sebelum 10 November 2023. |
| **6.** | **Pemenang**<br><br>6.1 Pemenang akan dimaklumkan untuk hadir ke majlis rasmi Anugerah MyPesara 2023 pada 14 Disember 2023.<br>6.2 Terdapat satu pemenang hadiah utama yang akan menerima wang tunai RM50,000, piala dan sijil penghargaan; tiga pemenang bagi setiap kategori yang akan menerima wang tunai RM10,000, piala dan sijil penghargaan setiap seorang; dan lima penerima saguhati yang akan menerima wang tunai RM3,000 dan sijil penghargaan bagi setiap kategori.<br>6.3 Keputusan juri adalah muktamad melainkan didapati pemenang telah melanggar terma dan syarat. |
| **7.** | **Pembatalan**<br><br>7.1 Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan calon dan / atau mengambil balik hadiah jika:<br>• Calon tidak memenuhi mana-mana kriteria pencalonan;<br>• Calon melanggar terma dan syarat Anugerah ini atau mana-mana undang-undang atau peraturan yang berkaitan;<br>• Penganjur mendapati ada unsur-unsur penipuan dan rasuah ke atas penyertaan.<br><br>7.2 Jika berlaku pembatalan selepas hadiah telah diberikan, penganjur berhak untuk menuntut pengembalian hadiah tersebut atau bayaran sama nilai dengan hadiah itu daripada calon yang telah hilang kelayakan atau dibatalkan penyertaan. |
| **8.** | **Lain-lain** |

| | |
|---|---|
| | 8.1 Dengan menyertai Anugerah ini, pencalon dan calon tidak boleh meletakkan syarat dan tidak boleh membatalkan persetujuan untuk menjadi sebahagian daripada penerbitan, rakaman dan publisiti Anugerah ini pada bila-bila masa, tanpa bayaran, jika diperlukan oleh penganjur, seperti untuk tujuan:<br>• Temu bual<br>• Pengambilan gambar<br>• Rakaman visual dan / atau audio<br><br>8.2 Pencalon dan calon tidak boleh membatalkan persetujuan dan memberi kebenaran bahawa penganjur untuk mempunyai hak dan kuasa mutlak untuk menyiarkan rakaman, nama penuh atau tidak, dan / atau slogan calon.<br>8.3 Semua hadiah tidak boleh dipindahmilik, diserahhak, ditukar atau dituntut oleh pemenang dalam sebarang bentuk atau cara selain daripada yang ditetapkan oleh penganjur. |

## Terms and Conditions – Anugerah MyPesara 2023

<table>
<tr><td colspan="2">Introduction<br><br>The following terms and conditions govern the participation of this Anugerah MyPesara. The organiser has the right to change, postpone or change the award date or extend the participation/nomination period.<br><br>Please read these terms and conditions carefully before submitting the nomination form.</td></tr>
<tr><td>No.</td><td>Item</td></tr>
<tr><td>1.</td><td>Anugerah MyPesara Information<br><br>1.1 The Anugerah MyPesara (“the Award”) is the first of its kind to acknowledge and appreciate public sector pensioners who have made a positive impact in their lives and the lives of others in the fields of Education, Social and Community Service, and Entrepreneurship.<br>1.2 The purpose of this Award is to identify outstanding individuals who have played a meaningful role in their retirement and to inspire others to break the cliché of retirement and be an advocate for productive ageing.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Anugerah MyPesara Categories<br><br>2.1 There are 3 categories that will be evaluated, namely:<br>i) Education<br>ii) Social and Community Service<br>iii) Entrepreneurship<br><br>2.2 The contribution and positive impact given by the candidates to the community must meet the specified categories.<br>2.3 The organiser may select and award a nominee for another category other than the category submitted if it is deemed in the absolute discretion of the organiser, as more suitable.</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Nomination Criteria<br><br>3.1 Nominations are open to:<br>• A Malaysian citizen aged 55 years old and older.<br>• Former employees in the civil service who have retired from the federal, state, statutory and local authority, except ATM veterans. The participants should be those who still receive monthly pensions from the Government.<br>• An individual who is actively contributing to the community and has made a profound difference while demonstrating successful practices in the respective field after retirement, for a minimum period of 5 years.<br>• Candidate has yet to receive any national level or international awards or accolades for his / her contribution.<br>• Self-nominations and 3rd party nominations are accepted.<br>• All nominations are required to be supported by relevant documents as proof.</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| **4** | **Nomination Submission**<br><br>4.1 Participation is free and open to the specified Malaysian Government pensioners only.<br>4.2 Candidates and nominators are responsible for providing true, accurate, current, and complete information as requested in the nomination form.<br>4.3 Attach supporting documents in the form of published articles, press releases, and copies of your certificates of engagement/ membership/ achievements for verification and due diligence purposes.<br>4.4 For the Entrepreneurship category, your company must be registered with Companies Commission of Malaysia (SSM), and financial documents must be submitted.<br>4.5 For the Social and Community Service category, your organisation must be registered with Registration of Societies Malaysia (ROS), and the relevant documents must be submitted.<br>4.6 Candidates can nominate as many pensioners as they want with sufficient evidence of achievements. However, each pensioner is eligible to be nominated for one category only.<br>4.7 By submitting the nomination form, the nominee and nominator will be deemed to have read, understood, accepted and agreed to the terms and conditions of the Award.<br>4.8 The organiser reserves the right to reject or not accept nominations for any reason, including incomplete nomination forms or any terms and conditions not met or adhered to by the nominee and nominator. |
| **5** | **Submission of Nomination Form**<br><br>5.1 The nomination form and supporting documents must be sent by:<br>i) email to anugerahmypesara@kwap.gov.my; or<br>ii) post to KWAP office in Kuala Lumpur or Cyberjaya; or<br>i) in person to KWAP office in Kuala Lumpur or Cyberjaya or during Jelajah MyPesara KWAP programmes.<br><br>**Kuala Lumpur Office**<br><br>Anugerah MyPesara 2023 Organising Committee,<br>Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan),<br>Aras 36,<br>Menara Integra, The Intermark<br>348, Jalan Tun Razak<br>50400 Kuala Lumpur<br><br>Or; |

| | |
|---|---|
| | **Cyberjaya Office**<br><br>Anugerah MyPesara 2023 Organising Committee,<br>Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan),<br>Aras 11, Skytech Tower 2<br>MKN Embassy Techzone<br>Jalan Teknokrat 2, Cyber 4<br>63000 Cyberjaya, Selangor<br><br>5.2 If the nomination form is submitted via email, kindly ensure to fill out the Subject tab with the title 'Anugerah MyPesara'.<br>5.3 If the nomination form is submitted by post, kindly ensure to mention 'Anugerah MyPesara' as the title on the top left of the envelope.<br>5.4 Completed forms should be sent to KWAP on or before 10 November 2023. |
| **6** | **Winners**<br><br>6.1 Winners will be notified to attend the official Anugerah MyPesara 2023 ceremony on 14 December 2023.<br>6.2 There will be one grand prize winner who will receive RM50,000, a trophy and a certificate of appreciation; three winners for each category who will receive RM10,000, a trophy and a certificate of appreciation each; and five consolation prize recipients who will receive RM3,000 and a certificate of appreciation for each person.<br>6.3 The jury's decision is final unless it is found that the winner has violated the terms and conditions. |
| **7** | **Void**<br><br>7.1 The organiser reserves the right to cancel the candidate's participation and / or withdraw the prize if:<br>• The candidate does not meet any of the nomination criteria;<br>• Candidates breach the terms and conditions of this Award or any relevant laws or regulations;<br>• The organiser found that there was an element of fraud and corruption in the participation.<br><br>7.2 If there is a cancellation after the prize has been awarded, the organiser has the right to demand the return of the prize or a payment of the same value as the prize from the disqualified or disqualified candidate. |
| **8** | **Others**<br><br>8.1 Nominees unconditionally and irrevocably agree to volunteer (without payment) for the publication, recording and publicity of this Award at any time if required by the organiser, such as for the purpose of: |

| | |
|---|---|
| | • Interviews<br>• Taking pictures<br>• Visual and/or audio recording<br><br>8.2 Nominees unconditionally and irrevocably agree and authorise that the organiser has the absolute right and authority to broadcast the recording, full name or not, and / or slogan of the candidate.<br>8.3 All prizes cannot be transferred, assigned, exchanged or claimed by the winner in any form or manner other than as specified by the organiser. |